

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	30 November 2015

Tun Mahathir sedia hadir Perhimpunan Agung UMNO

UM - 30/11/2015

KUALA LUMPUR 29 Nov.

- Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bersedia untuk menghadiri Perhimpunan Agung UMNO 2015 jika menerima jemputan.

Katanya, beliau mahu hadir ke perhimpunan tersebut yang bakal berlangsung bulan depan atas kapasiti seorang ahli UMNO.

Menurutnya, Perhimpunan Agung UMNO merupakan perhimpunan untuk semua ahli UMNO dan setiap ahli berhak untuk hadir.

"Kalau dijemput, saya pergilah. Ini juga parti saya (tetapi) saya bekas Presiden UMNO saja. Walau bagaimanapun UMNO untuk semua orang Melayu," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Sidang Kemuncak Kuala Lumpur 2015 di sini.

Beliau mengulas pelawaan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi baru-baru ini kepada beliau bagi menghadiri Perhimpunan Agung UMNO 2015 yang bakal berlangsung dari 8 hingga 12 Disember ini.

Ahmad Zahid berkata kepada *The Star* dalam satu wawancara, beliau berharap Dr. Mahathir akan menghadiri majlis itu kerana ahli parti masih menghormati beliau sebagai bekas Presiden UMNO.

"Saya amat yakin surat jemputan akan keluar tidak lama lagi tetapi sama ada Dr. Mahathir menerimanya atau tidak, terpulang kepada beliau untuk memutuskannya. Majoriti ahli UMNO masih menghargai beliau tetapi ada garis antara menghormati dan menerima pendapatnya. Ia dua perkara berbeza," kata Ahmad Zahid sebagaimana dilaporkan akhbar itu.